

GM Klang lancar kempen jana aktiviti pelancongan

KLANG: Pusat Borong, GM Klang melancarkan kempen ‘Datang Klang, Pasti Girang’ bermula 1 Mac hingga 30 April depan.

Pengurus Bahagian Komunikasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, kempen tersebut sebagai satu langkah proaktif dan inisiatif ke arah merancakkan semula industri pelancongan Malaysia, khususnya di Selangor dan Bandar Klang terutama selepas sektor pelancongan terkesan teruk dengan pandemik Covid-19.

“Kempen kolaborasi bersama Touch ‘n Go ini yang mendapat sokongan Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menawarkan pulangan menarik kepada para pelancong Negeri Selangor.

“Ia turut berperanan menyokong kempen Tourism Selangor, iaitu Pusing Selangor Dulu,” katanya dalam kenyataan.

Norsuhaida berkata, melalui kempen tersebut pihaknya menawarkan kegirangan berganda iaitu kegirangan pertama berupa ‘cashback’ bernilai RM10 apabila pengunjung membuat pembelian lebih RM100 menggunakan aplikasi Touch ‘n Go e-wallet di mana-mana kedai GM Klang yang mengambil bahagian.

Katanya, kegirangan kedua pula, para pengunjung boleh mendapatkan baucar makanan dan minuman GM Klang bernilai RM10 sekiranya mereka telah menginap di hotel atau melancong tempat-tempat pelancongan terpilih sekitar Selangor.

“Orang ramai berpeluang menebus kegirangan ini sepanjang tempoh kempen berlangsung.

“Sebenarnya di Selangor dan Klang banyak lokasi menarik untuk melancong dan beraktiviti bersama keluarga atau rakan-rakan seperti lokasi alam semulajadi, taman tema, hiburan dan aktiviti bersukan,” katanya.

Beliau berkata, dengan pembukaan sempadan negara bermula 1 April ini, pihaknya yakin kunjungan pelancong domestik dan luar negara di sini akan lebih baik.